

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi Workplace

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli pelan Workplace Personal Accident. Pastikan Anda juga baca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

CHUBB®

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi ganti rugi apabila terjadinya kecederaan, kecacatan atau kematian yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luar yang dashyat, dan boleh dilihat dan secara kemalangan. Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk butir-butir terperinci.

2. Siapa yang boleh membeli perlindungan ini?

Polisi ini boleh dibeli oleh syarikat untuk melindungi pekerjaanya. Semua pekerja mesti termasuk untuk perlindungan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi:

Bahagian	Manfaat	Jumlah perlindungan
A	Kematian Akibat Kemalangan dan Ketakupayaan	Fleksibel sehingga maksimum RM2 juta bagi setiap orang tetapi tidak lebih daripada 10 kali gaji tahunan asas Orang Yang Diinsuranskan
B	Manfaat Mingguan - Kecederaan (pilihan) <ul style="list-style-type: none">Ketakupayaan Menyeluruh Sementara seminggu (TTD)Ketakupayaan Separa Sementara seminggu (TPD)	Jumlah yang diinsuranskan di bawah manfaat ini adalah berdasarkan 75% daripada asas gaji setiap minggu sehingga maksimum RMI,000 seminggu 50% daripada Ketakupayaan Menyeluruh Sementara
C	Perbelanjaan Perubatan (pilihan)	Fleksibel sehingga maksimum RM10,000 bagi setiap orang. Jumlah yang diinsuranskan hendaklah tidak melebihi 10% daripada jumlah diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan
D	Pendapatan hospital harian (pilihan)	Fleksibel sehingga maksimum RM300 setiap hari bagi setiap orang (tertakluk kepada pembayaran maksimum 60 hari)

Polisi ini juga menyediakan manfaat/perlanjutan/fasal berikut:

- Perbelanjaan pengebumian sehingga RM2,000 sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan
- Penghantaran balik jenazah sehingga RM3,000 sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan
- Kos ambulans sehingga RM500
- Jumlah sekali sebanyak RM500 untuk manfaat Koma

© 2024 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.SM adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

- Perbelanjaan morbiliti sehingga RM500
- Ragut/rompakan RM150
- Pendedahan
- Hilang
- Pembunuhan dan serangan yang tidak diprovokasi
- Bencana Alam
- Mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- Bermotosikal
- mabuk kecuali apabila melanggar undang-undang
- Lemas
- Kemalangan penyedutan gas beracun
- Keracunan minuman dan makanan
- Sukan amatur dan aktiviti sukan sosial (tidak termasuk sukan berbahaya)
- Gigitan haiwan atau serangga kecuali gigitan yang menyebabkan penghantaran virus atau bakteria seperti denggi, malaria atau chikungunya
- Keganasan

Jangkamasa perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun. Sila rujuk jadual manfaat Ketakupayaan Kekal di dalam contoh kontrak polisi.

4. Apakah jumlah premium yang perlu Saya bayar?

Kadar Premium (Tertakluk kepada kadar cukai perkhidmatan berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan)

Bahagian	Manfaat	Jumlah perlindungan (RM)	Kelas pekerjaan		
			Kelas I	Kelas II	Kelas III
A	Kematian Akibat Kemalangan dan Ketakupayaan	10,000	7.53	9.01	10.49
B	Manfaat Mingguan - kecederaan <ul style="list-style-type: none"> • Ketakupayaan Menyeluruh Sementara (TTD) • Ketakupayaan Separa Sementara (TPD) 	100 seminggu/ 50% daripada TTD seminggu	16.32	19.50	22.79
C	Perbelanjaan perubatan	500	3.82	4.66	5.41
D	Pendapatan hospital harian	10	1.33	1.59	1.86

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan; pilihan manfaat dan bilangan pekerja yang anda ingin lindungi dan kelas pekerjaan.

Penerangan klasifikasi Pekerjaan

- Kelas I : Profesion dan pekerjaan yang melibatkan bukan manual, kerja pentadbiran atau perkeranian di dalam pejabat sahaja atau tempat-tempat tidak berbahaya. (Contoh akauntan, kerani, pengurus pejabat, peguam, doktor, setiausaha, pensyarah)
- Kelas II : Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja-kerja yang bersifat penyeliaan atau kerja yang melibatkan perjalanan yang besar tetapi tidak terlibat dalam kerja-kerja manual. (Contoh juruukur, jurujual, jurutera tapak, penyelia tapak, pelayan, pelaras kerugian)
- Kelas III : Profesion dan pekerjaan yang melibatkan sekali-sekala atau kerja manual tetap tetapi tidak bersifat berbahaya, yang tidak melibatkan penggunaan jentera kerja kayu, tidak menjalani kerja pada ketinggian lebih dari 30 kaki di luar bangunan. (Contoh juruelektrik, mekanik, petani, tukang paip, pendawai, pekerja kilang)

Pekerjaan / risiko /perdagangan dikecualikan

Apa-apa pekerjaan yang jatuh di luar pekerjaan Kelas I, Kelas II dan Kelas III (contohnya Loji tenaga atom / nuclear, bahan letupan (penggunaan dan pembuatan), tentera, angkatan tentera, pasukan pengaman, peribadi penguatkuasaan undang-undang atau kumpulan atau pendedahan yang serupa, perlombongan, orang yang terlibat dalam pembinaan terowong bawah tanah, Quarrymen, risiko luar pesisir, penghibur, seseorang dalam aktiviti sukan profesional, perkhidmatan awam dan kecemasan termasuk polis, bomba, perkhidmatan ambulans, pelbagai jenis perlumbaan, pembuatan senjata, peluru dan aksesori, media, krew kapal, nelayan, tester pesawat, juruterbang atau anak kapal, penggergaji, pekerja pemasa pembalakan, pemandu / atendan lori balak dan Win, memperbaiki menara, pekerja yang bekerja di atas 30 kaki tinggi, pemungkah kargo, pekerja limbungan kapal / dok /pelabuhan, joki)

Diskaun Kumpulan

Bilangan pekerja	Diskaun
1-10	0%
11-15	10%
16-30	15%
31-40	20%
41-50	25%
51-100	30%
101-150	35%
150-200	40%
>200	50%

Nota Penting:

1. Premium minimum RM100 (tidak termasuk Cukai yang Berkenaan dan duti setem)
2. Saiz kumpulan minimum 3 pekerja

5. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan (CP) (jika berkenaan)	Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan (termasuk di dalam premium)
Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium)	Maksimum 25% dari premium

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu Saya tahu?

• Kewajipan untuk Mengambil Penjagaan Munasabah

Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:

- (a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan atau melalui telepemasaran;
- (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
- (c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai

- **Akibat pelanggaran kewajipan, penipuan atau salah nyata**

Kami boleh menolak untuk membayar tuntutan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, jika Anda:

- (a) melanggar kewajipan memberi perhatian yang munasabah sebelum atau pada masa Polisi Anda dimasukkan atau diperbaharui, bergantung kepada jenis salah nyata/tidak dizahirkan dan kesan daripadanya ;
- (b) melanggar peruntukan Polisi Anda;
- (c) membuat tuntutan palsu di bawah mana-mana polisi insurans;
- (d) terlibat dalam apa-apa tindakan atau pengabaian, yang di bawah Polisi Anda, Anda dikehendaki memberitahu Kami tetapi Anda tidak berbuat demikian.

- **Warranti Premium**

Adalah menjadi asas dan mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian insurans di mana premium tamat tempoh mesti dibayar dan diterima oleh Kami dalam masa 60 hari dari tarikh permulaan Polisi / pengendorsan / sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Kami berhak untuk Premium pro-rata bagi tempoh risiko.

Jika premium yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh Kami, bayaran tersebut hendaklah dianggap telah diterima oleh Kami bagi tujuan waranti ini dan tanggungjawab untuk menyediakan yang Premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen, yang tidak diberi kuasa untuk menerima apa-apa premium, hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kami.

- **Had Umur** : 16 tahun ke 70 tahun dan pembaharuan sehingga 75 tahun

- **Tuntutan**: mesti dibuat dalam 30 hari kejadian yang mana yang akan membawa kepada tuntutan.

Untuk kemudahan Anda, Borang Tuntutan A&H kini boleh didapati dari laman web Kami : www.chubb.com/my

- **Penamatan perlindungan**: Perlindungan di bawah Polisi ini berkenaan mana-mana Orang yang Diinsuranskan akan tamat pada awal kejadian berikut:-

- i. Orang yang Diinsuranskan tidak lagi memenuhi mana-mana keperluan kelayakan yang ditetapkan di dalam Polisi
- ii. Kematian Orang yang Diinsuranskan
- iii. Apabila Orang yang Diinsuranskan tidak lagi diambil kerja oleh majikan
- iv. Selepas tamat tempoh insurans

7. Apakah pengecualian penting di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Sebarang jenis penyakit
- Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, membunuh diri, salah laku melulu atau perbuatan menyalahi undang-undang atau jenayah
- Peperangan, serangan, perang saudara , penyertaan secara langsung dalam penyerang atau rusuhan
- Pelbagai jenis sukan profesional
- anggota angkatan bersenjata, tentera laut, tentera, tentera udara mana-mana Negara atau pihak berkuasa antarabangsa
- Kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau pengguguran
- Terbang atau melibatkan diri dalam aktiviti udara selain daripada sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen untuk membawa penumpang dan beroperasi antara lapangan terbang komersial yang diakui.

Nota : Senarai ini bukan menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah Polisi ini.

8. Bolehkah Saya membatalkan Polisi Saya?

Anda boleh membatalkan Polisi Anda bila-bila masa dengan memberikan Kami notis bertulis. Apabila Polisi dibatalkan, dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat, Anda boleh menerima bayaran balik premium berdasarkan skala kadar tempoh jangka pendek tertakluk kepada minima premium RM100 (tidak termasuk GST dan duti setem).

9. Apakah yang perlu Saya buat jika terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi Saya?

Adalah penting bagi Anda untuk memberitahu Kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam profil riwayat Anda termasuk pekerjaan Anda dan aktiviti peribadi Anda yang akan mempengaruhi risiko profil.

10. Di manakah boleh Saya dapat maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan peribadi, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo di 'Insurans Kemalangan Peribadi', yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau Anda boleh memperoleh satu salinan daripada ejen insurans atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Jika Anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
O +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 15/05/2024.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan telah dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).